



NOTIS PEMBERITAHUAN - Kempen 'BebasPlastik'

Berikut adalah maklumat yang diberikan oleh kerajaan negeri Selangor mengenai melaksanakan Kempen Bebas Beg Plastik dan Pusingan mulai 1 Januari 2017.

Penggunaan ini akan diambil sejalan dengan sasaran peningkatan di seluruh Negeri Selangor.

Pelaksanaannya adalah seperti berikut:

- Beg plastik, poket, bungkus makanan dan plastik akan dicentaskan kepada pengguna secara percuma.
- Bayaran akan dikenakan bagi setiap beg plastik yang digunakan oleh perniagaan.
- Pengguna boleh memohon dan berbeli caj pada polisurau atau diwarung.



www.BebasPlastik.my



NOTIS pemberitahuan kempen 'Bebas Plastik' ditampal di pintu masuk sebuah pasar raya mini di Shah Alam.
Selangor. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH


Pastikan diguna untuk alam sekitar

KUALA LUMPUR 24 Jan. – Pengurusan pasar raya dan peniaga di Selangor perlu diberi tekanan oleh pihak berkuasa supaya memastikan wang hasil jualan beg plastik disalurkan untuk tujuan kempen alam sekitar dan bukan masuk ke kantung mereka.

Pensyarah Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Mohd. Yusoff Ishak** berkata, pihak berkuasa dalam hal ini tidak boleh menyerahkan kepada peniaga kerana ini tidak akan membantu mencapai matlamat menyedarkan masyarakat mengenai bahaya beg plastik.

Katanya, lagi pun caj 20 sen yang dikenakan untuk satu beg plastik masih tidak berbaloi jika diukur daripada kesannya terhadap alam sekitar walaupun diakui tujuan kempen tersebut bermatlamatkan mengurangkan penggunaan beg plastik.

“Langkah alternatif seterusn-




MOHD. YUSOFF ISHAQ

ya yang boleh dilakukan adalah dengan menggunakan beg mesra alam sekitar iaitu beg bioplastik yang mudah terurai berbanding beg plastik biasa.

“Selain itu, kita juga mungkin dapat meningkatkan pembungkusan menggunakan kertas serta membawa bekas makanan sendiri seperti mangkuk tingkat apabila mahu membeli makanan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Kluster



IBRAHIM KOMOO

Sumber Asli dan Alam Sekitar Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Emeritus Datuk Dr. Ibrahim Komoo** berkata, penguatan caj 20 sen untuk penggunaan beg plastik di premis perniagaan adalah bertentangan dengan prinsip sebenar kempen tanpa beg plastik.

“Walaupun terdapat rasional di sebalik tindakan terbabit, tetapi langkah yang lebih baik adalah dengan menyediakan beg kertas ataupun menjual beg kitar semula yang lebih tahan lama dan berharga beberapa ringgit lebih tinggi berbanding beg plastik.

“Apalah sangat 20 sen bagi mereka yang mampu membayarnya tapi jika pengguna ini tidak diberi pilihan dan terpaksa membeli beg yang boleh diguna semua pada harga yang lebih tinggi, mungkin mereka akan beringat untuk membawa beg sendiri apabila membeli barang,” ujarnya.

Kronologi isu caj beg plastik 20 sen Kerajaan PKR Selangor

21 Dis. 2016: Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Elizabeth Wong, umum pelaksanaan kempen ‘Bebas Plastik’ bermula 1 Januari 2017 dan pengguna dikenakan caj 20 sen untuk sehelai beg plastik.

4 Januari: Rakyat Selangor daripada pelbagai latar belakang mula mempersoalkan tindakan Kerajaan PKR Selangor menganekan caj 20 sen.

8 Januari: Orang ramai desak Kerajaan Selangor dedahkan jumlah kutipan hasil caj 20 sen.

12 Januari: Elizabeth dedahkan caj 20 sen masuk ‘kantung’ peniaga.

16 Januari: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dakwa kempen caj 20 sen mendapat sambutan menggalakkan.

18 Januari: Mohamed Azmin dicabar duduk di kaunter pembayaran bagi membuktikan dakwaan kononnya kempen caj 20 sen mendapat sambutan.

21 Januari: Gabungan NGO berkumpul di Pasar Raya Giant di Seksyen 19 Shah Alam menyatakan bantahan kepada pelaksanaan caj 20 sen.

21 Januari: Mohamed Azmin membuat kenyataan seolah-olah lepas tangan apabila menyerahkan kepada peniaga untuk terus menganekan caj 20 sen atau sebaliknya.